



PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

GRED JAWATAN : S9

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM 2250.00	RM 11110.00	RM 225.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:

a. (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,250.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PELANTIKAN SECARA LANTIKAN :

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S9 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.



DESKRIPSI TUGAS :

Mengetuai satu unit kecil/pasukan kerja sama ada dalam pengurusan dakwah/ latihan/ penyelidikan/penguatkuasaan undang-undang/pengurusan dan pengimaranan masjid/pengurusan Baitulmal/pengurusan halal.

SENARAI TUGAS :

1. Menyelaras, membantu dan merancang program berkaitan keagamaan di jabatan
2. Bertanggungjawab menguruskan program keagamaan kepada pegawai dan kakitangan di jabatan
3. Memantau dan menganalisis prestasi dan melapor pelaksanaan program program keagamaan di jabatan.
4. Menjadi pakar rujuk dan memberi khidmat nasihat mengenai hal ehwal Islam di jabatan.
5. Membantu pihak Kementerian/Jabatan/Agenzi merancang dan melaksana program berkaitan hari-hari kebesaran Islam di jabatan.
6. Bertanggungjawab menyediakan bajet tahunan berkaitan dengan program program keagamaan di jabatan.

Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa